

09 SEP 2000

Mahathir-KUB

DR MAHATHIR MAHU KUB TERUS BERURUSAN BIJAK

KUALA LUMPUR, 9 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata KUB Malaysia Bhd harus sentiasa mengamalkan pengurusan bijak dan baik kerana ia adalah lambang kemampuan dan kebolehan orang Melayu.

Perdana Menteri berkata, banyak syarikat Bumiputera mengalami kegagalan kerana tidak ada pengurusan baik dan kadang-kadang pengurusannya yang tidak jujur dan ikhlas bila diberi peluang menguruskan sesuatu badan.

"Mereka (syarikat Bumiputera) menggunakan peluang ini untuk mendapat sesuatu bagi diri sendiri. Kalau ada peluang baik akan disertai diri sendiri tetapi jika peluang kurang baik atau tidak begitu menyakinkan ia diserahkan kepada badan perniagaan yang kerajaan uruskan, perkara seperti itu tidak harus berlaku," katanya ketika berucap merasmikan bangunan ibu pejabat baru KUB Malaysia Bhd berharga RM64.9 juta di sini.

Beliau yakin KUB Malaysia Bhd akan mendatangkan banyak manfaat kepada kaum Bumiputera sekiranya usaha itu disambut baik.

"Saya harap dengan adanya KUB Malaysia Bhd dan bangunannya yang tersendiri ia akan menjadi mercu tanda orang Melayu yang sememangnya ada keupayaan dan kebolehan. Tetapi kalau ada otak geliga yang tidak digunakan dengan baik ia tidak datangkan faedah kepada kita," katanya.

Dr Mahathir berkata, kaum Bumiputera tidak harus menganggap mereka sentiasa dalam keadaan selamat.

"Ada yang menganggap kita selamat tetapi sebenarnya kita tidak selamat kerana kita hidup dalam masyarakat berbilang kaum dan perlu bersaing dengan kaum lain dan dengan negara lain di dunia," katanya.

Katanya, sekiranya mereka tidak mampu bersaing mereka akan menjadi bangsa yang bergantung kepada orang lain.

"Bila kita bergantung pada orang lain sedikit sebanyak kebebasan kita akan hilang," katanya.

Mengimbas kembali pahit maung yang dialami oleh KUB yang bermula sebagai sebuah koperasi dan dipergunakan oleh orang tertentu untuk kepentingan politik, Dr Mahathir berkata ia (KUB) kini sudah berubah.

Beliau mengingatkan bagaimana suatu ketika dahulu pelaburan yang dibuat oleh orang Melayu termasuk beliau sendiri "hangus" mengakibatkan prestasi KUB merosot.

Bagaimanapun, katanya, beliau yakin masalah seumpama itu tidak berulang disebabkan pengurusan yang baik oleh KUB Malaysia Bhd.

-- BERNAMA

ARA HS PR